

05/08/1999

PM lawat Perlis 2 September

KANGAR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual melakukan lawatan kerja dua hari ke Perlis pada 2 dan 3 September ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Perdana Menteri akan bertemu kira-kira 45,000 rakyat, termasuk kakitangan kerajaan dan pelajar di Stadium Utama, Kangar pada hari pertama lawatannya.

Dr Mahathir juga akan merasmikan dan memberi nama kepada sebuah maktab perguruan baru di Behor Pulau, di sini, selain melakukan pecah tanah pembinaan rumah pangsa di Kangar.

Shahidan berkata, Perdana Menteri juga dijadual merasmikan Bukit Air Resort yang mengandungi 60 chalet, terletak di Sungai Batu Pahat, dekat sini.

"Kita juga sedang mengatur mengadakan majlis perjanjian persefahaman (MOU) berkaitan pelancongan antara kerajaan negeri dan pihak berkuasa Satun, Thailand yang akan disaksikan Dr Mahathir," katanya.

Baru-baru ini, kerajaan negeri merancang menjadikan Kuala Perlis sebagai pangkalan bagi pelancong Malaysia melawat pulau-pulau indah di Thailand manakala Satun menjadi laluan utama rakyat Thailand ke Perlis dan Langkawi.

(END)